



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

10 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Dalam usaha untuk memastikan semua pihak terutama pemain industri dan perkilangan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, kerajaan telah meningkatkan operasi pemantauan dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak didapati melanggar SOP yang telah diwartakan.

Langkah ini dikuatkuasakan susulan kerajaan telah menerima banyak aduan berkaitan industri dan premis perniagaan yang tiada dalam senarai perkhidmatan perlu beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ketika ini.

Sejak 1 Jun sehingga 9 Jun 2021, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan pemeriksaan ke atas 268 buah kilang bagi memastikan tiada pelanggaran SOP.

Daripada jumlah itu, sebanyak 75 buah kilang dikenakan kompaun manakala 59 lagi diarahkan tutup.

Pelanjutan Tempoh Sekatan Tambahan bagi Kemasukan Pengembara ke Wilayah Persekutuan (WP) Labuan

Mengambil kira situasi terkini COVID-19 ketika ini, Kerajaan turut bersetuju untuk melanjutkan tempoh sekatan tambahan bagi kemasukan pengembara ke WP Labuan bermula 10 Jun sehingga 30 Jun 2021.

PKPD 3 taman perumahan di Temerloh, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) taman perumahan di Temerloh, Pahang yang melibatkan:

- Taman Temerloh Jaya
- Taman Temerloh Jaya Indah
- Taman Temerloh Makmur

Pada masa ini, KKM telah merekodkan 38 kes secara keseluruhan iaitu 24 kes di Taman Temerloh Jaya, Taman Temerloh Jaya Indah (6 kes) dan Taman Temerloh Makmur (8 kes) hasil daripada 407 ujian saringan dijalankan di ketiga-tiga lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga taman perumahan seperti dinyatakan berkuat kuasa 12 Jun sehingga 25 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan dan tidak menjangkiti komuniti di luar.

PKPD Ladang Tereh Mill, Kluang, Johor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Ladang Tereh Mill, Kluang, Johor.

Sehingga 9 Jun 2021, secara kumulatifnya, sebanyak 24 kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada saringan ke atas 154 individu di lokaliti ini dengan kadar positifiti 15.6%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Tereh Mill, Kluang, Johor berkuat kuasa 12 Jun sehingga 25 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan mereka berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan itu.

PKPD Lorong Pasir Putih 1, Taman Pasir Putih Fasa 1, Putatan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Lorong Pasir Putih 1, Taman Pasir Putih Fasa 1, Putatan, Sabah.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes yang ketara apabila 16 daripada 17 individu yang disaring, disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 94.12%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong Pasir Putih 1, Taman Pasir Putih Fasa 1, Putatan, Sabah berkuat kuasa 12 Jun sehingga 25 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Kolong 2, Kuching, Sarawak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Kolong 2, Kuching, Sarawak.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes yang ketara apabila 29 daripada 45 individu yang disaring, disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 64.4%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kolong 2, Kuching, Sarawak berkuat kuasa 12 Jun sehingga 25 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan tindakan kawalan COVID-19 dijalankan dengan cepat dan berkesan, seterusnya menghalang penularan di dalam serta luar kawasan tersebut.

PKPD Kampung Tajin, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tajin, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu.

Sehingga kini, seramai 502 individu telah disaring dan daripada jumlah itu, 31 dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti direkodkan ialah 6.17%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tajin, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu 12 Jun sehingga 25 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti dan kampung lain.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu yang dijadualkan tamat pada 11 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 946 ujian saringan dan 62 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu pada 11 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Mukim Sitiawan, Manjung, Perak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Sitiawan, Manjung, Perak yang dijadualkan tamat pada 11 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 460 ujian saringan dan 27 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Mukim Sitiawan, Manjung, Perak pada 11 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Mook, Kinarut, Papar, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Mook, Kinarut, Papar, Sabah yang dijadualkan tamat pada 11 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 74 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Mook, Kinarut, Papar, Sabah pada 11 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Baru Durok, Keningau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Durok, Keningau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 11 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 633 ujian saringan dan 60 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Baru Durok, Keningau, Sabah pada 11 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Sungai Langgas, Kunak, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Langgas, Kunak, Sabah yang dijadualkan tamat pada 13 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 426 ujian saringan dan 55 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sungai Langgas, Kunak, Sabah pada 11 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 102,633 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,413 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,762 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 907 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 877 individu dikompaun, 28 direman manakala dua (2) lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (208)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (148)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (147)
- Tiada penjarakan fizikal (123)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (81)
- Membawa penumpang berlebihan (79)
- Aktiviti pusat hiburan (28)
- Premis gagal patuhi arahan (10)
- Lain-lain (83)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah merampas dua (2) buah kenderaan darat dan sebuah bot/kapal.

Sebanyak 75 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 18 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 803 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 751 SJR
Op BENTENG PDRM	- 43 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 165 operasi sanitasi meliputi 75 zon merah, zon jingga (1) dan zon kuning (4) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 1,028 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 190 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 156 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 27,079 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 548 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 223,334 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 75 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,015 individu telah dikuarantin dan 211,721 orang dibenarkan pulang manakala 2,598 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 771 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (580), pemborong (160) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,817 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,807 premis mematuhi SOP manakala 10 lagi dikompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 119 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif COVID-19 direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,753 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,212 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,349 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,404 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**